



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**PARTI KEADILAN RAKYAT (PKR) DALAM PILIHAN RAYA  
UMUM DAN PEMILIHAN PKR 2022: IMPAK DAN MASA  
HADAPAN DALAM GEOPOLITIK MALAYSIA**

*PARTI KEADILAN RAKYAT (PKR) IN THE GENERAL ELECTION AND PKR  
INTERNAL ELECTION 2022: IMPACT AND FUTURE ON MALYSIAN  
GEOPLITICS*

Junaidi Awang Besar<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 17.08.2022

Revised date: 28.08.2022

Accepted date: 05.09.2022

Published date: 15.09.2022

**To cite this document:**

Awang Besar, J. (2022). Parti Keadilan Rakyat (PKR) Dalam Pilihan Raya Umum Dan Pemilihan PKR 2022: Impak Dan Masa Hadapan Dalam Geopolitik Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 339-358.

DOI: 10.35631/IJLGC.729024.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Parti Keadilan Rakyat (PKR) merupakan parti politik berbilang kaum di Malaysia yang memperjuangkan keadilan sosial semua masyarakat namun mendokong Perlembagaan Malaysia. Parti ini ditubuhkan sempena pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam Kerajaan dan UMNO untuk menuntut keadilan terhadap beliau dan rakyat yang teraniaya. Parti ini mengalami penjenamaan semula daripada Parti KeAdilan Nasional (PKN/KeADILan) kepada Parti Keadilan Rakyat (PKR) hasil daripada penggabungan dengan sebahagian kepimpinan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Sejak Pilihan Raya Umum 1999 hingga 2018, parti ini menyertai pilihan raya dan mengalami pasang surut prestasinya. Parti ini juga mengadakan pemilihan dalaman kepimpinan yang menyaksikan penyertaan sebilangan besar ahli dalam pemilihan parti tersebut. Di akhirnya, kedua-dua pemilihan tersebut memberi impak terhadap geopolitik Malaysia dari semasa ke semasa. Oleh itu, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis prestasi Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam pilihan raya umum dan pemilihan PKR 2022 yang memberi impak dan masa hadapan terhadap geopolitik Malaysia. Berdasarkan rujukan sumber primer iaitu keputusan pilihan raya umum di Malaysia dan sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku akademik, kertas seminar dan laporan penyelidikan, dapatan kajian menunjukkan bahawa prestasi PKR dalam PRU 1999-2018 bersifat turun naik berdasarkan kepada isu semasa dan keyakinan pengundi terhadap kepimpinan PKR. Keputusan pemilihan dalaman PKR 2022 pula menunjukkan bahawa ahli PKR memilih pemimpin yang berpengalaman,

kompeten dan teguh dalam pentadbiran sebagai kerajaan serta pemimpin yang beridealisme, berpandangan jauh, bervisi dan bebas dalam bertindak ketika berpolitik. Impaknya, geopolitik Malaysia masih stabil dengan sebarang perkara yang berlaku dalam PKR namun dengan imej sebagai sebuah parti berbilang kaum dan terus-menerus menghadapi konflik dalaman dan luaran maka ini akan mempengaruhi pengundi terutamanya pengundi Melayu terhadap sokongan kepada parti tersebut menuju PRU akan datang. Meskipun terdapat pelbagai cabaran dan rintangan yang perlu dilalui parti politik berbilang kaum ini namun masa hadapan parti ini masih cerah jika strategi memikat hati pengundi sesuai dengan keadaan semasa.

**Kata Kunci:**

Parti Politik, Geopolitik, Pilihan Raya, Pemilihan Parti, Kepimpinan

**Abstract:**

Parti Keadilan Rakyat (PKR) is a multi-racial political party in Malaysia that fights for social justice for all communities but supports the Malaysian Constitution. This party was formed in conjunction with the dismissal of Dato' Seri Anwar Ibrahim in the Government and UMNO to demand justice for him and the persecuted people. The party has undergone a rebranding from Parti KeADILan Nasional (PKN/KeADILan) to Parti Keadilan Rakyat (PKR) as a result of a merger with part of the leadership of Parti Rakyat Malaysia (PRM). From the 1999 General Election to 2018, the party participated in elections and experienced ups and downs in its performance. The party also held internal leadership elections which saw the participation of a large number of members in the party's elections. In the end, both elections have an impact on Malaysia's geopolitics from time to time. Therefore, it is the purpose of writing this article to analyze the performance of Parti Keadilan Rakyat (PKR) in the general election and the PKR 2022 election that has an impact and the future on Malaysian geopolitics. Based on primary sources, namely the results of the general election in Malaysia and secondary sources, namely journal articles, academic books, seminar papers and research reports, the findings show that PKR's performance in the 1999-2018 GE is volatile based on current issues and voters' confidence in the leadership. PKR. The results of the PKR 2022 internal election show that PKR members choose leaders who are experienced, competent and strong in administration as the government as well as leaders who are idealistic, far-sighted, visionary and independent in acting in politics. As a result, Malaysia's geopolitics is still stable with anything that happens in PKR but with the image as a multi-racial party and constantly facing internal and external conflicts then this will influence voters, especially Malay voters to support the party towards the next GE. Although there are various challenges and obstacles that this multi-racial political party has to go through, the future of this party is still bright if the strategy of attracting voters is in line with the current situation.

**Keywords:**

Political Party, Geopolitics, Election, Party Election, Leadership

**Pengenalan**

Teras utama dasar perjuangan Parti Keadilan Rakyat (PKR) terletak pada namanya, iaitu Keadilan Rakyat. Konsep Keadilan sudah lama wujud dan mempunyai asas kepada ajaran agama, leluhur dan lagenda serta sejarah bangsa dan kemanusiaan. Semua agama besar tegas mengajar dan mengutamakan nilai tentang keadilan. Dalam sejarah manusia berulang kali

terdapat contoh golongan rakyat tertindas untuk berjuang menegakkan keadilan serta kebebasan. Dalam keadaan krisis ekonomi pada tahun 1997 yang melanda Malaysia, berlaku kemelut dalam politik pemerintahan dimana Perdana Menteri telah termakan fitnah terhadap Timbalan Perdana Menteri dan telah memecat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan mengaibkannya serta anak isteri. Perdana Menteri telah menggunakan kuasa sepenuhnya dengan menggunakan pengaruh institusi utama seperti polis, mahkamah dan media untuk menekan beliau.

Keadilan yang dibentuk adalah bagi melambangkan ketidakadilan yang dilakukan ke atas seorang pemimpin yang dihormati. PKR juga telah matang dalam menghadapi politik pilihan raya di negara ini. Parti berbilang kaum tersebut telah menyertai pilihan raya di negara ini sejak Pilihan Raya Umum (PRU) 1999 hinggalah PRU 2018. PKR juga telah mengadakan pemilihan dalam parti tersebut tiga tahun sekali. Oleh itu, dengan pengalaman dalam menyertai pilihan raya dan pemilihan parti tersebut maka pelbagai kenangan pahit-manis, onak ranjau, dugaan dan cabaran yang dihadapi parti berbilang kaum ini, namun parti ini masih mempunyai masa hadapan yang baik jika strategi memikat hati pengundi sesuai dengan keadaan semasa. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis prestasi Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam pilihan raya umum dan pemilihan PKR 2022 yang memberi impak dan masa hadapan terhadap geopolitik Malaysia.

### Ulasan Literatur

Nor Azimah (2002) dalam Latihan Ilmiah yang bertajuk "Dulu UMNO dan Sekarang Parti Keadilan: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Peringat, Kelantan" menjelaskan bahawa isu berkaitan dengan kes perlucutan jawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO Malaysia merupakan penyebab kepada kekalahan BN dan kemenangan PKN di kawasan kajian.

Ruhan Shahrir (2009) dalam Disertasi Sarjana yang bertajuk "Menilai Jaya-Gagal Organisasi Politik Pemuda Menjadi Organisasi Multi-Etnik: Suatu Kajian Kes Ke Atas Angkatan Muda KeADILan Lembah Pantai" menghuraikan bahawa Angkatan Muda KeADILan Lembah Pantai (AMKLP) berkembang menjadi organisasi yang didominasi oleh etnik Melayu sahaja walaupun orientasi politik AMKLP adalah berteraskan multi-etnik. Ini dapat dilihat daripada komposisi keanggotaan, kepimpinan dan penyertaan dalam aktiviti AMKLP.

Mohd Azreen (2012) dalam Latihan Ilmiah yang bertajuk "GIS dan Pilihan Raya: Faktor-Faktor Mempengaruhi Kemenangan Sesebuah Parti Politik Dalam Pilihan Raya ke-12 Peringkat DUN Kelantan" menjelaskan bahawa penggunaan teknologi digital *Geographic Information System* (GIS) dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi untuk memilih sesuatu parti politik. Dalam konteks PKR, parti politik tersebut menang di kawasan DUN Guchil, Kuala Krai kerana lokasi kawasan DUN tersebut di kawasan bandar yang mempunyai akses internet yang baik untuk mendapatkan maklumat alternatif di samping pengaruh pengundi muda yang kritikal dan cenderung terhadap PKR.

Muhamad Azwan (2013) dalam Latihan Ilmiah yang bertajuk "Kajian Kepimpinan Anwar Ibrahim Dari Tahun 1982 Sehingga Tahun 2012" mendapati bahawa Anwar Ibrahim merupakan seorang pemimpin yang karismatik, *orator* dan dilihat masih signifikan sehingga era kontemporer sebagai pemimpin *de facto* dengan pencapaiannya bersama Pakatan Rakyat serta dilihat konsistensi prinsip perjuangan beliau dari awal perjuangan dalam politik sehingga era kini iaitu keadilan, reformasi dan kerajaan yang bersih.

Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Nizar (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018: Analisis Persaingan Antara BN, PH (PKR), PAS dan Parti Politik Lain menjelaskan bahawa kesemua parti politik berusaha sedaya upaya untuk memenangi hati pengundi 14,940,624 dalam PRU 2018. Parti politik ini menampilkan janji pilihan raya mereka melalui pelancaran manifesto pilihan raya sejak sebelum pembubaran Parlimen lagi di samping menyenaraikan trek rekod pemerintahan masing-masing di negeri dan nasional yang mereka kuasai. Mereka juga menjadikan isu nasional, isu negeri dan isu setempat sebagai modal untuk memancing undi terutamanya 40 peratus pengundi atas pagar dan pengundi muda yang belum menyatakan sokongan kepada mana-mana parti politik. Apa yang menariknya pada PRU kali ini ialah BN mengekalkan calon Perdana Menteri (PM) iaitu Dato' Sri Mohd Najib Razak yang dipalitkan dengan pelbagai isu oleh parti pembangkang; PH/PKR telah menamakan calon Perdana Menteri interim/ sementara selama 2 tahun jika menang dalam PRU 2018 iaitu Tun Dr. Mahathir manakala buat pertama kali dalam sejarah penubuhan PAS bahawa parti tersebut bertanding melebihi 70 kerusi Parlimen iaitu 158 kerusi Parlimen ke arah pembentukan Kerajaan Teknokrat ataupun mereka akan menyertai kerajaan campuran selepas pilihan raya (post electoral coalition) jika gagal memenangi majoriti mudah 112 kerusi Parlimen dan juga pengenalan Budaya Politik Matang dan Sejahtera (BPMS) dan Wawasan Induk Negara Sejahtera (WINS) oleh PAS. Justeru, dinamika politik di Malaysia ini dilihat dapat membentuk dimensi baru politik negara ini disamping mengekalkan ciri-ciri negara berdemokrasi dan juga menjadikan suasana negara masyarakat majmuk yang aman sejahtera, bermuafakat dan bertoleransi antara kaum dan agama di negara ini.

Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia mendapati bahawa tekad untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU kali ini. PH/PKR berjaya menewaskan BN dan PAS pada peringkat kerusi parlimen dengan 122-79-18. PH/PKR kekal di negeri Selangor dan Pulau Pinang serta berjaya menawan Johor, Negeri Sembilan, Melaka; Kedah, Perak dan Sabah ditawan PH/PKR dengan 'lompatan' beberapa ADUN BN. BN kekal di Pahang dan Perlis manakala PAS kekal di Kelantan dan berjaya menawan Terengganu daripada BN. PH menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia disebabkan keyakinan pengundi terhadap gabungan parti pelbagai bangsa dan agama untuk memerintah negeri di wilayah tersebut; pengaruh Tun Dr. Mahathir; serta terpengaruh dengan sentimen negatif yang diterap melalui kempen media sosial dan ceramah bahawa 'undi PAS = undi BN'; dan sosialisasi politik Pantai Barat yang lebih mengutamakan aspek tadbir urus dan ekonomi.

Abu (2021) dalam buku yang bertajuk "Parti Keadilan Rakyat: Jejak-Jejak Kelahiran, Mengislah Kenegaraan" menjelaskan bahawa pembentukan parti berbilang kaum ini adalah hasil usaha penggerak reformasi yang menjiwai perjuangan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk melihat negara ini mengamalkan sistem pemerintahan yang bersih, adil, cekap, kompeten dan telus serta bertatakelola yang baik demi rakyat jelata.

### Metod Kajian

Bagi metod kajian, metod kuantitatif diperolehi daripada keputusan PRU bagi kerusi Parlimen dan DUN yang dimenangi PKR di seluruh Malaysia. Kaedah kuantitatif iaitu olahan data

keputusan PRU 1999-2018 dan juga pilihan raya pasca PRU 2018 bagi kerusi Parlimen dan DUN yang dimenangi PKR di seluruh Malaysia pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi PKR. Penelitian terhadap data keputusan PRU tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih terperinci dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media alternatif/sosial seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (facebook, twitter dan email) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal. Bagi penganalisan data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif, data keputusan PRU bagi yang dimenangi PKR serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan bercetak dan atas talian (internet).

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

### *Sejarah Penubuhan Parti Keadilan Nasional/Parti Keadilan Rakyat*

Parti Keadilan Nasional merupakan sebuah parti politik Malaysia yang lahir daripada gelombang Reformasi yang melanda negara selepas pemecatan Anwar Ibrahim daripada UMNO pada 2 September 1998. Sekumpulan NGO dan sebuah parti kemudian menubuhkan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK). Pendokong reformasi kemudiannya menubuhkan Pergerakan Keadilan Sosial (ADIL) untuk memberi platform kepada perjuangan mereka.

Selepas itu, usaha menubuhkan parti politik menghadapi jalan buntu disebabkan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) Maka gerakan Reformasi mengambil keputusan untuk mengambil alih sebuah parti kecil yang sedia ada iaitu Ikatan Masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan pada 1990. Pelancaran Parti Keadilan Nasional diadakan pada 4 April 1999.

Selepas Pilihan raya 1999, kesedaran timbul tentang keperluan Parti Keadilan Nasional dan PRM bergabung, berdasarkan komitmen mereka yang sama terhadap Reformasi, menentang ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa. Pada 3 Ogos 2003 Keadilan dan PRM melancarkan Parti Keadilan Rakyat di Kuala Lumpur.

Pada waktu itu Pendaftar Penubuhan masih enggan meluluskan pendaftaran parti. Maka pada Pilihanraya Umum 2004, calon-calon PRM bertanding di atas platform Keadilan. Calon tunggal yang menang ialah Presiden Parti iaitu Datin Seri Dr. Wan Azizah di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Selepas Pilihanraya Umum, akhirnya Parti Keadilan Rakyat diluluskan penubuhannya.

Parti Keadilan Rakyat mendapat suntikan baru selepas pembebasan Penasihat Parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati tidak bersalah daripada tuduhan jenayah pada 2 September 2004, selepas enam tahun di dalam tahanan dan penjara (Ali 2016).



Pejabat berdaftar Parti Keadilan Rakyat telah ditempatkan yang dikenali sebagai “Ibu Pejabat” adalah di A-1-09, Merchant Square, Jalan Tropicana Selatan 1, 47401 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tujuan penubuhan parti ini adalah untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan negara yang demokratik yang progresif serta bersatu.

### ***Tujuan Dan Matlamat Perjuangan Parti***

Tujuan dan matlamat utama parti adalah untuk mewujudkan komuniti masyarakat yang adil dan negara demokratik yang progresif serta bersatu. Dalam masa yang sama parti menghormati sistem Raja Berperlembagaan, memperkukuh Demokrasi Berparlimen, mendukung hak serta kuasa rakyat, dan berusaha untuk memantapkan sistem politik negara yang sesuai dengan kehendak serta kepentingan rakyat.

Parti Keadilan Rakyat juga berusaha untuk menegakkan kedaulatan undang-undang yang adil, media massa serta kehakiman yang bebas dan pasukan keselamatan yang mendukung prinsip-prinsip profesionalisme. Di samping itu juga akan menjamin kebebasan berfikir, bersuara, bergerak, berhimpun dan berpersatuan kepada semua.

Agama Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan sambil memastikan bahawa hak masyarakat bukan Islam mengamalkan adama atau kepercayaan masing-masing terus menjamin dan menggalakkan peranan agama serta nilai-nilai sejagat untuk menegakkan kebenaran, keadilan, ketinggian akhlak, pembangunan insan dan memartabatkan manusia.

Bahasa Melayu didaulatkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, di samping menjamin hak rakyat menggung, mempelajari dan mendapat pendidikan dalam bahasa-bahasa lain serta menggalak perkembangan kebudayaan serta kesenian Malaysia berasaskan unsur-unsur unggul daripada semua warisan peradaban yang wujud di negara ini.

Seterusnya, mengukuhkan sistem pemerintahan Persekutuan yang adil, bertanggungjawab serta demokratik dalam mengimbangi kepentingan negeri-negeri dengan kekuasaan kerajaan Pusat. Parti juga menjunjung setia semangat kerjasama dan perkongsian kuasa secara adil di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dengan memperkasakan kedudukan politik dan ekonomi yang saksama mengikut kerangka Perjanjian Malaysia tahun 1963. Parti akan mempertingkatkan kemuliaan insan, nilai keehsanan serta budaya ikram, menegakkan pengagihan yang adil dan bebas daripada penindasan, kecurangan serta pembaziran, di samping mengatasi kemiskinan dan mencegah penumpuan kekayaan.

Berasaskan prinsip keadilan, memastikan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak digunakan khusus untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi mereka yang miskin dan terbiar, serta pembelaan yang adil bagi golongan bukan Melayu dan bukan Bumiputera yang miskin dan terbiar, demi mencapai kesaksamaan untuk perpaduan nasional.

Parti Keadilan Rakyat akan menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan awam yang bermutu dengan bayaran yang berpatutan sebagai tanggungjawab sosial pemerintah, terutama sekali bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Parti juga memperjuangkan serta menjamin hak bekerja, upahan yang adil, keselamatan di tempat kerja dan mutu kehidupan yang baik untuk setiap orang.

Pengiktirafan martabat dan peranan wanita sebagai tonggak dan penggerak masyarakat juga merupakan perjuangan parti. Parti juga menghayati falsafah hormat wanita, memastikan wanita bebas daripada diskriminasi dan eksploitasi, mengupayakan wanita untuk mencapai kesaksamaan dalam memimpin dan membuat keputusan dengan sekurang-kurangnya penglibatan tiga puluh peratus, demi memastikan hak serta kepentingan mereka terpelihara.

Dalam masa yang sama parti memperjuangkan hak dan pengembangan potensi belia dan remaja serta menjamin peranan yang bermakna bagi mereka dalam semua bidang kehidupan. Meningkatkan mutu hidup Orang Asli di samping menghormati Adat mereka, menyediakan rancangan pembangunan yang sesuai setelah berunding dengan mereka dan melindungi hak mereka ke atas Tanah Adat.

Perlindungan alam semula jadi daripada pemusnakan dilaksanakan melalui mencegah perosakan serta meningkatkan mutu alam sekitar dan memastikan pembangunan yang mapan. Akhirnya, menegakkan sistem antarabangsa baru yang adil serta demokratik, melaksanakan dasar luar yang bebas serta beretika, menyediakan persekitaran yang sesuai untuk melahirkan masyarakat berilmu yang dapat menghadapi cabaran globalisasi yang mengancam kepentingan negara, rakyat dan manusia sejagat dan seterusnya melindungi ekonomi, politik serta keselamatan negara daripada kuasa-kuasa besar dunia (Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat 2018).

### ***Perlembagaan Parti***

Prinsip perlembagaan Parti Keadilan Rakyat telah menjadi teras perjuangan parti iaitu untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan bangsa yang demokratik, progresif dan bersatu. Dalam erti kata lain, parti menumpukan untuk menggalakkan keadilan sosial, keadilan sosial, menghapuskan rasuah politik dan isu hak asasi manusia dalam rangka kerja bukan etnik (Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat 2018).

Kebangkitan rakyat dalam mereformasikan kerajaan pada Pilihan Raya Umum ke 14 telah mencatatkan suatu kemenangan yang tidak sama sekali disangka-sangka bagi Parti Keadilan Rakyat. Reformasi yang ditunjukkan oleh golongan muda dan etnik Cina dan India telah mendorong kepada kejayaan parti untuk memerintah negara pada tahun 2018.

### ***Bendera Parti***

Parti Keadilan Rakyat pada asalnya merupakan Parti KeADILan Nasional yang wujud semasa gelombang reformasi yang melanda negara selepas pemecatan Anwar Ibrahim daripada UMNO pada 2 September 1998 (Lihat Rajah 1). Berikut merupakan bendera Parti Keadilan Rakyat (Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat 2018).



Sumber: [https://liberal-international.org/members/pkr\\_malaysia/](https://liberal-international.org/members/pkr_malaysia/)

Berikut merupakan ciri-ciri yang terdapat pada bendera parti. Bendera Parti Keadilan Rakyat berupa segi empat tidak sama yang berwarna biru langit beserta lajur warna merah kiri dan kanan. Di tengah-tengah segi empat terdapat sfera berwarna putih dan tengah-tengah sfera itu terdapat satu bulatan penuh yang berwarna biru langit membentuk lambang mata yang terbuka.

Mata yang terbuka melambangkan cahaya yang menyuluh perjuangan untuk menegakkan keadilan. Mata yang terbuka juga mencerminkan mata hati nurani yang mendorong parti untuk mencapai perubahan kearah kebenaran dan keadilan. Lajur merah kiri dan kanan segi empat tidak sama melambangkan keberanian dan komitmen memperjuangkan kebenaran dan keadilan.

### ***Presiden Parti***

Ahli Parlimen Port Dickson, Dato' Seri Anwar Ibrahim berjaya mengekalkan jawatannya sebagai Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada pemilihan sesi 2022/2025 (Lihat Rajah 2). Perkara tersebut disahkan oleh Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang turut memaklumkan bahawa Anwar memenangi jawatan tersebut tanpa bertanding. Mengulangi sejarah Pemilihan Keadilan 2018, beliau sekali lagi menang tanpa bertanding pada pemilihan kali ini. Ini adalah penghormatan terbesar daripada akar umbi Keadilan.

Dato' Seri Anwar Ibrahim dilahirkan pada 10 Ogos 1947 di Kampung Ceruk Tok Kun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Bapa beliau bernama Datuk Haji Ibrahim Abdul Rahman manakala ibu beliau bernama Datin Che Yan Hussein. Isteri beliau bernama Dato' Seri Dr Wan Azizah Datuk Ismail. Beliau mempunyai 6 orang anak iaitu seorang lelaki dan 5 perempuan. Beliau bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Stowell, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, sekolah menengah di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan dalam pengajianj tinggi beliau menerima ijazah sarjana muda di Universiti Malaya dalam Pengajian Melayu (Sastera) (Berita Semasa 2022).

Dari 1968 hingga 1971, sebagai pelajar, Anwar ialah Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Pada masa yang sama, beliau juga merupakan Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM). Pada 1971, beliau ialah seorang ahli jawatankuasa pro-Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang diasaskan bersama. Pada masa yang sama, beliau telah dipilih sebagai Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) kedua. Pada tahun 1982, Anwar, yang merupakan pemimpin pengasas dan presiden kedua ABIM.





### **Rajah 2: Dato' Seri Anwar Ibrahim (Presiden Parti Keadilan Rakyat/PKR)**

Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/anwar-minta-ruu-kawalan-tembakau-dan-merokok-2022dirujuk-ke-jawatankuasa-khas-pilihan-parlimen-374011>

Anwar meninggalkan ABIM pada 29 Mac 1982 untuk menyertai UMNO, terdapat 40,000 ahli ABIM ketika itu. Beliau dinaikkan pangkat politik dengan cepat iaitu jawatan menteri pertamanya adalah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1983; selepas itu, beliau menerajui Kementerian Pertanian pada tahun 1984 sebelum dilantik sebagai Menteri Pelajaran pada tahun 1986. Pada tahun 1991, Anwar telah dilantik sebagai Menteri Kewangan. Pada tahun 1993, beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri Mahathir selepas memenangi Timbalan Presiden UMNO menentang Allahyarham Tun Ghafar Baba. Sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, pada Mac 1998, Anwar Ibrahim telah dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa dari Mac hingga September 1998. Pada awal tahun 1997, Mahathir melantik Anwar sebagai Pemangku Perdana Menteri semasa beliau mengambil cuti dua bulan.

Kemudian Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad memecat timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998 dan kemudian dari Timbalan Presiden UMNO serta keahlian dalam UMNO. Kemudian beliau dan penyokongnya memulakan gerakan Reformasi. Ia terdiri daripada beberapa demonstrasi besar-besaran dan perhimpunan menentang BN. Reformasi membawa kepada pembentukan sebuah parti yang berasaskan kaum baru yang dinamakan Parti Keadilan Nasional. Pada tahun 1999, pilihan raya umum diadakan. Parti Keadilan Nasional yang baru, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) membentuk Barisan Alternatif, dalam inisiatif gabungan untuk menggantikan kerajaan campuran berdiri Barisan Nasional (BN). Pada April 1999, berikutan perbincangan, Anwar dijatuhi hukuman penjara enam tahun. Dua bulan kemudian, dia dijatuhi hukuman penjara sembilan tahun selepas beliau menamatkan hukuman enam tahun bagi kes liwat. Sabitan itu dibatalkan oleh Mahkamah Agung Malaysia dan Anwar akhirnya dibebaskan dari kurungan pada 2 September 2004.

Pada November 2006, Anwar mengumumkan bahawa beliau merancang untuk bertanding di Parlimen pada tahun 2008, selepas kehilangan kelayakannya tamat. Anwar kritikal terhadap dasar kerajaan selepas dibebaskan dari penjara. Anwar menang dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh yang diadakan pada 26 Ogos 2008 dan kembali ke Parlimen sebagai ketua pembangkang. Mengenai pilihan raya umum ke-13 (2013), Anwar Ibrahim

sebagai Ketua Pembangkang yang mengetuai gabungan Pakatan Rakyat/PR yang terdiri daripada ketiga-tiga parti (DAP, PAS dan PKR) untuk bertanding dalam pilihan raya tersebut namun PR tewas sebaliknya beliau mengekalkan kedudukan beliau sebagai ahli Parlimen Permatang Pauh. Pada 10 Februari 2015, Anwar dipenjarakan buat kali kedua di Penjara Sungai Buloh, Selangor atas pertuduhan meliwat bekas pembantu peribadinya, Saiful Bukhari Azlan pada 2008 selepas rayuan terakhirnya ditolak Mahkamah Persekutuan. Anwar dibebaskan dari penjara pada 16 Mei 2018. Beliau mendapat pengampunan diraja penuh dan menunggu Dr. Mahathir menyerahkan takhta selepas satu hingga dua tahun. Kemudian pada 13 Oktober 2018, beliau memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Port Dickson, Negeri Sembilan dengan majoriti 23,560 undi.

### ***Pencapaian PKR Pada PRU 1999-2018***


Pada Pilihan Raya ke 10 iaitu pada tahun 1999 Parti Keadilan yang menyertai Barisan Alternatif telah menyertai Pilihan Raya Umum untuk pertama kali. Hasil dalam perjuangan ini telah memenangi 5 kerusi Parlimen dengan kadar jumlah undian pada 11.67%. Parlimen Permatang Pauh merupakan satu-satunya kerusi Parlimen yang dimenangi PKR bagi kawasan yang kurang dari 70% pengundi Melayu.

Pada Pilihan Raya Umum ke 11 (PRU 2004), pemindaan baru perlembagaan parti belum diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Calon-calon dari Parti Rakyat Malaysia bertanding atas lambing Parti Keadilan Nasional. Walau bagaimanapun pada pilihan raya kali ini keputusan yang diperolehi mencatatkan kemerosotan kepada 1 kerusi Parlimen sahaja dan kehilangan empat (4) kerusi Parlimen. Tsunami Abdullah Badawi pada 2004 telah merebahkan PKR sehingga tinggal satu kerusi Parlimen sahaja iaitu di kawasan Permatang Pauh.

Perjuangan dalam pilihan raya ke 12 tahun 2008 telah memberi pencapaian yang memberangsangkan dengan memenangi 31 kerusi Parlimen, iaitu peningkatan sebanyak tiga puluh 30 kerusi Parlimen. Pada pilihan raya ini juga PKR telah membentuk kerajaan campuran di negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Pada pilihan raya 2008 PKR muncul sebagai parti pembangkang terbesar dengan memenangi 31 kerusi Parlimen. 20 daripada 31 kerusi Parlimen yang dimenangi adalah kerusi campuran di mana pengundi Cina atau Melayu Kurang dari 60%.

Pada PRU 2013, PKR memenangi 28 kerusi Parlimen dan kehilangan 3 kerusi Parlimen. Walau bagaimanapun, PKR berjaya menawan 4 kerusi Parlimen yang baru iaitu bagi Parlimen Alor Setar, Lumut, Bukit Katil dan Batu Pahat. Tiga kerusi Parlimen yang terlibat iaitu Lumut, Bukit Katil dan Batu Pahat disifatkan sebagai kerusi campuran. Alor Setar tidak termasuk dalam kategori campuran tetapi hanya 61% daripadanya adalah pengundi Melayu.

Pilihan Raya Umum ke 14, 2018 merupakan satu kejayaan yang paling besar buat perjuangan PKR dengan memenangi 46 kerusi parlimen iaitu penambahan sebanyak 18 kerusi Parlimen (Lihat Rajah 3). Kebanyakan kerusi Parlimen yang dimenangi PKR adalah di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di kawasan bandar dan separa bandar yang dihuni etnik campuran dan majoriti etnik Cina dan India. Kawasan tersebut juga telah membangun dengan pesat serta mengalami penetrasi talian internet yang baik.



**Rajah 3: Taburan Geografi Kerusi Parlimen yang Dimenangi PKR dalam PRU-14, 2018**


Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

Kemenangan ini telah mendorong kepada pembentukan kerajaan baru dalam Pakatan Harapan (PKR, PPBM dan DAP). Bagi kerusi mengikut negeri adalah Perlis (Kangar), Kedah (Alor Setar, Kuala Kedah, Merbok, Sungai Petani, Padang Serai dan Kulim Bandar Baharu), Pulau Pinang (Permatang Pauh, Nibong Tebal, Bayan Baru dan Balik Pulau), Perak (Sungai Siput, Gopeng dan Tanjong Malim), Pahang (Indera Mahkota dan Kuantan), Selangor (Hulu Selangor, Selayang, Gombak, Ampang, Pandan, Subang, Petaling Jaya, Sungai Buloh, Kapar dan Kuala Langat), Wilayah Persekutuan (Wangsa Maju, Setiawangsa, Lembah Pantai dan Bandar Tun Razak), Negeri Sembilan (Port Dickson), Melaka (Tangga Batu dan Hang Tuah Jaya), Johor (Segamat, Sekijang, Ledang, Batu Pahat, Tebrau, Pasir Gudang dan Johor Bharu) dan Sabah (Putatan, Ranau dan Tawau), Sarawak (Puncak Borneo, Saratok, Selangau dan Miri).

Bagi 67 kerusi DUN yang dimenangi PKR mengikut negeri adalah Perlis (Sena, Indera Kayangan dan Kuala Perlis), Kedah (Suka Menanti, Gurun, Bukit Selambau, Bakar Arang, Sidam, Lunas dan Kulim), Pulau Pinang (Pinang Tunggai, Telok Ayer Tawar, Seberang Jaya, Penanti, Machang Bubok, Bukit Tengah, Bukit Tambun, Sungai Bakap, Sungai Acheh, Kebun Bunga, Batu Uban, Pantai Jerejak, Batu Maung dan Pulau Betong), Perak (Kuala Kurau, Hulu Kinta, Simpang Pulai dan Teja), Pahang (Semambu dan Teruntum), Selangor (Permatang, Bukit Melawati, Ijok, Rawang, Sungai Tua, Gombak Setia, Bukit Antarabangsa, Lembah Jaya, Kajang, Seri Setia, Taman Medan, Bukit Lanjan, Paya Jaras, Kota Damansara, Kota Anggerik, Batu Tiga, Sementa, Pelabuhan Klang, Sentosa, Sungai Kandis dan Tanjong Sepat), Negeri Sembilan (Sikamat, Ampangan, Pilah, Labu, Chuah dan Sri Tanjung), Melaka (Rembia, Machap Jaya dan Kelebang), Johor (Pemanis, Bukit Naning, Semerah, Tiram dan Bukit Batu) dan Sabah (Inanam dan Api-Api) (Lihat Rajah 4).

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

kerusi DUN sama seperti kawasan Parlimen iaitu di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di kawasan bandar dan separa bandar yang dihuni etnik campuran dan majoriti etnik Cina dan India. Kawasan tersebut juga telah membangun dengan pesat serta mengalami penetrasi talian internet yang baik.



#### Rajah 4: Taburan Geografi Kerusi DUN yang Dimenangi PKR dalam PRU-14, 2018

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

Terdapat beberapa jawatan menteri telah diberikan kepada PKR iaitu (1) Timbalan Perdana Menteri, (2) Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, (3) Menteri Hal Ehwal Ekonomi, (4) Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, (5) Menteri Luar Negeri, (6) Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, (7) Menteri Kerja Raya dan (8) Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Terdapat juga jawatan timbalan menteri yang diberikan kepada PKR iaitu (1) Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Masyarakat, (2) Timbalan Menteri Pengangkutan, (3) Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, (4) Timbalan Menteri Pertanian, (5) Timbalan Menteri Kesihatan, (6) Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, (7) Timbalan Menteri Industri Utama, dan (8) Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) (Ngah 2018).

Perjuangan parti dari tahun 1999 hingga ke 2018 telah memberikan kejayaan yang cukup bermakna buat pimpinan PKR dengan diberi mandat oleh rakyat untuk bersama-sama membentuk kerajaan yang baharu di Malaysia. Kerajaan yang dibentuk selepas PRU-14 adalah hasil kerjasama parti dalam Pakatan Harapan iaitu melibatkan PKR, PPBM dan DAP. Kebangkitan pakatan disertai PKR, DAP, PPBM dan AMANAH menewaskan BN dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah mengejutkan semua pihak kerana keupayaan menumbangkan parti yang sudah 60 tahun memegang tampuk kuasa di Malaysia (Aziz 2018).



### ***PRK Pasca PRU 2018***

Pasca PRU 2018 menyaksikan berlangsungnya 12 PRK di negara ini iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Slim, Chini, Parlimen Port Dickson, Parlimen Cameron Highlands dan Parlimen Sandakan. PRK yang ditandingi oleh PKR adalah 4 PRK iaitu DUN Sungai Kandis, DUN Seri Setia, DUN Rantau dan Parlimen Port Dickson.

Bagi PRK DUN Sungai Kandis yang diadakan pada 4 Ogos 2018, calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau Pakatan Harapan (PH), Mohd Zawawi Ahmad Mughni meraih 15,427 undi bagi memenangi PRK tersebut dengan majoriti 5,842 undi menewaskan calon Barisan Nasional (BN)/UMNO, Datuk Lokman Noor Adam, yang mendapat 9,585 undi dan calon Bebas, K Murthy (97 undi). Hanya 49.4 peratus daripada jumlah keseluruhan 51,217 pemilih di kawasan ini membuang undi pada PRK kali ini. Terdapat 19 pusat pengundian dengan 109 saluran di kawasan DUN Sungai Kandis. Pegawai Pengurus Pilihan Raya DUN Sungai Kandis, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad yang menumumkan keputusan tersebut di Dewan Besar Tanjung, Seksyen 19 Shah Alam, kira-kira jam 9.30 malam. PRK yang menyaksikan pertembungan tiga penjurur itu diadakan berikutan kematian penyandangannya, Mat Shuhaimi Shafiei yang juga bekas setiausaha politik kepada bekas Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, akibat kanser limfoma pada 2 Julai 2018.

Bagi PRK DUN Seri Setia yang diadakan pada 8 September 2018, calon Pakatan Harapan (PH) daripada PKR, Halimey Abu Bakar memperoleh 13,725 undi menewaskan calon PAS, Dr Halimah Ali dengan 9,698 undi dengan majoriti 4,027 undi. Jumlah undian keseluruhan adalah 23,423 manakala 164 kertas undi ditolak dan peratusan keluar mengundi adalah 44.1 peratus. Keputusan tersebut diumumkan Pegawai Pengurus Pilihan Raya PRK Seri Setia, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Selangor.

Bagi PRK Parlimen Port Dickson (13 Oktober 2018), Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) daripada PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Port Dickson dengan majoriti 23,560 undi. Beliau memperoleh 31,016 undi daripada 172 saluran undi sehingga penjumlahan tamat jam 9.15 malam. Anwar menewaskan enam pencabarnya iaitu calon PAS, Lt Kol (B) Mohd Nazari Mokhtar, yang memperoleh 7,456 undi. Calon lain, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Samad yang bertanding atas tiket Bebas pula memperoleh 4,230 undi, manakala bekas pembantu peribadi Anwar, Mohd Saiful Bukhari Azlan mendapat 82 undi. Tiga lagi calon Bebas, Stevie Chan Keng Leong memperoleh 337 undi, manakala Lau Seck Yan (214 undi) dan Kan Chee Yuen (154 undi). Peratus keluar mengundi ialah 58.3 peratus dan undi rosak ialah 598 undi. Anwar, 71, layak bertanding dalam PRK Parlimen Port Dickson selepas mendapat pengampunan diraja daripada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V pada 16 Mei 2018. PRK Parlimen Port Dickson diadakan selepas penyandangannya Datuk Danyal Balagopal Abdullah, 68, mengosongkan kerusi itu pada 12 September lalu bagi membolehkan Anwar kembali ke Dewan Rakyat. Keputusan itu diumumkan Pegawai Pengurus PRK Parlimen Port Dickson, Khairy Maamor di Dewan MPPD, Negeri Sembilan.

Bagi PRK DUN Rantau yang juga diadakan pada 13 April 2019, Datuk Seri Mohamad Hasan (BN)/UMNO berjaya mempertahankan kerusi tersebut menewaskan calon PKR dan 2 calon Bebas. Timbalan Presiden UMNO itu yang memenangi kerusi DUN Rantau sejak 2004, memperoleh 10,397 undi daripada 56 saluran, mengatasi tiga pencabarnya dengan majoriti



4,510 undi. Pesaing terdekat bekas Menteri Besar Negeri Sembilan itu, Dr S Streram daripada PKR mewakili Pakatan Harapan (PH), mendapat 5,887 undi. Dua lagi calon bertanding pada PRK DUN Rantau ialah suri rumah, R Malarvizhi, mendapat 83 undi, manakala bekas pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Raja Melewar, Mohd Nor Yassin, meraih 79 undi. Jumlah undi diperoleh itu bermakna kedua-duanya hilang wang deposit. Undi rosak ialah 146 undi. PRK DUN Rantau turut mencatat peratusan keluar mengundi tertinggi berbanding enam PRK sebelum ini. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan 79.3 peratus pengundi keluar menunaikan tanggungjawab mereka. Keputusan rasmi diumumkan Pegawai Pengurus PRK DUN Rantau, Mohd Nizam Tajul Arus di pusat penjumlahan rasmi undi di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan. PRK DUN Rantau diadakan berikutan keputusan Mahkamah Khas Pilihan Raya Seremban pada 16 November tahun lalu, mengisytiharkan kemenangan Mohamad pada PRU-14 adalah tidak sah dan terbatal. Pada PRU-14, Mohamad memenangi kerusi itu tanpa bertanding pada hari penamaan calon 28 April 2018 selepas Dr. Streram tidak dibenarkan masuk ke pusat penamaan calon kerana tidak memiliki pas dikeluarkan SPR.

### ***PRU DUN Sabah***

PRU DUN Sabah diadakan pada 26 September 2020. Gabungan Rakyat Sabah (GRS) secara rasmi, membentuk kerajaan negeri yang baharu di Sabah, selepas memenangi 38 kerusi dalam Pilihan Raya Negeri (PRN). WARISAN+PKR pula menang di 32 kerusi dan Calon Bebas menang di 3 kerusi iaitu di DUN Pitas, DUN Kemabong dan DUN Kuamut. Secara spesifiknya, GRS yang dianggotai Perikatan Nasional (PN) memenangi 17 kerusi, Barisan Nasional (BN) mendapat 14 kerusi, seterusnya Parti Bersatu Sabah (PBS) menawan tujuh kerusi. Parti Warisan Sabah (Warisan) memenangi 29 kerusi, manakala Parti Keadilan Rakyat (PKR) menang dua kerusi, seterusnya Parti Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) hanya satu kerusi. Calon Bebas pula memenangi tiga kerusi.

### ***PRU DUN Melaka***

PRU DUN Melaka diadakan pada 20 November 2021. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengesahkan keputusan rasmi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) menang 21 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Kemenangan selesa itu menyaksikan BN berjaya membentuk Kerajaan Negeri Melaka yang baharu dengan majoriti dua pertiga. Pakatan Harapan (PH) berjaya memenangi lima kerusi, manakala Perikatan Nasional (PN) pula menang dua. Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (PUTRA), Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN) dan calon Bebas pula tidak memenangi sebarang kerusi yang ditandingi. Statistik SPR menunjukkan BN menang di DUN Kuala Linggi, Tanjung Bidara, Ayer Limau, Lendu, Taboh Naning, Rembia, Gadek, Machap Jaya, Durian Tunggal, Asahan, Pantai Kundor, Paya Rumput, Kelebang, Pengkalan Batu, Ayer Molek, Duyong, Telok Mas, Rim, Serkam, Merlimau dan Sungai Rambai. PH pula iaitu DAP menang di Ayer Keroh, Kesidang, Kota Laksamana dan Bandar Hilir manakala AMANAH menang di Bukit Katil dan PKR tewas di kesemua kerusi yang ditandingi. PN menang di Sungai Udang dan Bemban. Jumlah individu keluar mengundi antara jam 8 pagi hingga 5.30 petang adalah 326,068 atau 65.85 peratus daripada keseluruhan 495,195 pengundi berdaftar di Melaka. Jumlah itu merangkumi pengundi biasa, pengundi awal dan pengundi pos yang sudah menjalankan tanggungjawab dalam PRN tersebut. Bagaimanapun, peratusan keluar mengundi itu merosot berbanding 84.7 peratus yang dicatatkan di Melaka pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), selain tidak menepati sasaran asal SPR iaitu 70 peratus. BN juga berjaya mengungguli dengan undi popular

sebanyak 40 peratus iaitu 122,741 undi, diikuti PH (33 peratus/114,457 undi) dan PN (24 peratus/77,731 undi).

### ***PRU DUN Sarawak***

PRU DUN Sarawak diadakan pada 18 Disember 2021. Gabungan Parti Sarawak (GPS) berjaya memenangi 76 kerusi DUN pada PRU DUN Sarawak 2021. Sementara itu Parti Sarawak Bersatu (PSB) pula memenangi empat kerusi DUN, manakala DAP memperoleh dua kerusi. Pada PRU DUN Sarawak 2016, DAP memperoleh tujuh kerusi DUN. Sekutu DAP dalam PH iaitu PKR dan Parti Amanah Negara (AMANAH) masing-masing kalah kesemua 28 dan lapan kerusi yang ditandingi mereka. Di 11 kerusi DUN, GPS menang tanpa meraih 50 peratus daripada jumlah keseluruhan undi, iaitu di Kota Sentosa, Simanggang, Batang Ai, Krian, Pakan, Ngemah, Bukit Assek, Dudong, Pelawan, Tanjung Batu dan Pujut. Gabungan itu juga berjaya merampas lima kerusi daripada parti pembangkang. Sebagai perbandingannya, prestasi kemenangan GPS (dahulunya BN Sarawak) antara PRU DUN 2016 dengan 2021 meningkat daripada 72 kerusi DUN ke 76 kerusi DUN.

### ***PRU DUN Johor***

PRU DUN Johor diadakan pada 12 Mac 2022. PRU DUN Johor 2022 menyaksikan 239 calon daripada 15 parti politik bertanding merebut 56 kerusi DUN, dan 1,426,573 orang atau 54.92 peratus keluar mengundi. Berdasarkan keputusan rasmi PRU DUN Johor 2022, BN berjaya meraih kemenangan 2/3 daripada jumlah keseluruhan 56 kerusi DUN Johor iaitu menang 40 kerusi DUN dengan UMNO menyumbang 33 kerusi, MCA empat kerusi dan MIC tiga kerusi. BN menang di DUN Buloh Kasap, Pemanis, Kemelah, Tenang, Bekok, Bukit Pasir, Gambir, Serom, Bukit Nanning, Sungai Balang, Semerah, Sri Medan, Yong Peng, Semarang, Parit Yaani, Parit Raja, Senggarang, Rengit, Machap, Layang-Layang, Mahkota, Paloh, Kahang, Tenggaroh, Panti, Pasir Raja, Sedili, Johor Lama, Penawar, Tanjung Surat, Tiram, Permas, Larkin, Kempas, Kota Iskandar, Bukit Permai, Benut, Pulai Sebatang, Pekan Nenas dan Kukup.

Pakatan Harapan dan sekutunya menang 13 kerusi iaitu sepuluh kerusi daripada DAP manakala PKR, AMANAH dan MUDA masing-masing cuma menang satu kerusi. PH dan sekutunya menang di Jementah, Tangkak, Bentayan, Simpang Jeram, Penggaram, Mengkibol, Johor Jaya, Stulang, Perling, Skudai, Bukit Batu, Senai dan Puteri Wangsa. Perikatan Nasional menang tiga kerusi dengan BERSATU menyumbang dua manakala PAS meraih satu kerusi di Maharani. PN menang di Bukit Kepong, Endau dan Maharani.

### ***Pemilihan PKR Nasional 2022***

Seramai 1,118,423 ahli PKR layak mengundi pada Pemilihan PKR 2022 yang menyaksikan 11,282 calon merebut pelbagai jawatan pada peringkat pusat, cabang dan sayapnya namun hanya 12 peratus atau 136,629 anggota PKR keluar mengundi dalam Pemilihan PKR 2022. Sebanyak 57 daripada keseluruhan 222 cabang telah menang tanpa bertanding bagi semua jawatan peringkat cabang pada Pemilihan PKR 2022. Mengenai pengundian atas talian, seramai 76,932 anggota mendaftar sebagai Pengundi Atas Talian (PAT) melalui aplikasi ADIL. Ini bermakna kira-kira 90.84 peratus anggota yang memilih sebagai Pengundi Atas Talian sudah membuat pilihan kepimpinan mereka secara atas talian (Nurhidayah 2022).

Pada pemilihan kali ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim berjaya mengekalkan jawatan sebagai Presiden bagi tempoh 2022/2025 selepas menang tanpa bertanding. Selain jawatan tertinggi yang tidak digugat, tumpuan pada pada Pemilihan PKR 2022 turut terarah kepada jawatan

nombor dua yang menyaksikan saingan antara bekas Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli dengan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. Tidak terkecuali, saingan hebat diberikan untuk jawatan Naib Presiden apabila 17 calon yang menawarkan diri bertanding bagi empat kerusi, seperti yang diperuntukkan dalam Majlis Pimpinan Pusat. Selain itu, pertandingan di peringkat Wanita dan Angkatan Muda Keadilan (AMK) tidak kurang sengit.

Mantan Ahli Parlimen Pandan, Mohd Rafizi Ramli sah memenangi jawatan Timbalan Presiden PKR baharu. Beliau yang meraih 59,678 undian mengalahkan pencabar, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dengan 43,010 undian. Selain itu, jawatan Naib Presiden sah dimenangi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dengan 46,075 undian dan Ahli Parlimen Tanjung Malim, Chang Lih Kang (34,939 undi). Dua lagi jawatan Naib Presiden diisi Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad (34,496 undi) dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun (33,230 undi) (Safian 2022).

Dalam pada itu, Angkatan Muda Keadilan (AMK) sah diketuai Adam Adli Abd Halim selepas mengatasi Fahmi Zainol. Adam Adli Abdul Halim yang memperoleh 13,650 undi, mengatasi pesaingnya, Fahmi Zainol dengan 11,888 undi. Adam Adli akan digandingkan dengan Muhammad Kamil Abdul Munim yang memenangi jawatan Timbalan Ketua AMK, menewaskan Chua Wei Kiat. Bagi jawatan Naib Ketua, ia diisi Atyrah Hanim Razali, M Pravin dan B Prasanth Kumar. Ketua Wanita PKR Selangor, Rodziah Ismail, yang sebelum ini dilapor memenangi jawatan Ketua Wanita PKR pada Pemilihan PKR 2022, diumumkan tewas kepada Senator Fadhlina Sidek. Keputusan yang dianggap mengejutkan itu diumumkan Jawatankuasa Pemilihan Pusat (JPP). Berdasarkan keputusan itu, Fadhlina memperoleh 18,923 undi berbanding Rodziah dengan 18,891 undi, iaitu perbezaan 32 undi (Anne 2022).

Keputusan pemilihan Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR yang diumumkan 17 Julai 2022 menyaksikan ia didominasi pemimpin yang selari dengan timbalan presiden yang baru dilantik, Rafizi Ramli. Daripada 20 yang berjaya menerima undi tertinggi daripada perwakilan parti untuk menyertai majlis itu, 13 daripadanya tergolong dalam 'cai' atau kem bekas ahli parlimen Pandan berkenaan. Mereka terdiri daripada bekas Ketua Pemuda PKR Akmal Nasir; Romli Ishak, Fahmi Zainol, Nor Azrina Surip, Lee Chean Chung, Syed Ibrahim Syed Noh, Simon Ooi Tze Min, Raiyan Abdul Rahim, Tan Kar Hing, Zahir Hassan, Muhammad Bakhtiar Wan Chik, Hans Isaac, dan Wong Chen. Tujuh lagi tokoh yang dipilih membarisi senarai MPP ialah Maszlee Malik, Mohd Yahya Mat Sahri, Siti Aisyah Syed Ismail, David Cheong Kian Young, Hee Loy Sian, Amidi Abdul Manan dan Elizabeth Wong. Maszlee yang juga ahli parlimen Simpang Renggam menerima undian tertinggi dengan 1,091 undian, diikuti Akmal yang juga ahli parlimen Johor Bahru, dengan 956 undi. Seramai 73 calon bertanding untuk mengisi 20 senarai bagi jawatan berkenaan (Mohd Nasaruddin 2022).

Secara keseluruhannya, Presiden PKR dijabat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Presiden (Rafizi Ramli), Naib Presiden yang dipilih (Datuk Seri Amirudin Shari, Chang Lih Kang, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Datuk Seri Aminuddin Harun), Naib Presiden yang dilantik (Nurul Izzah Anwar, Awang Husaini Sahari dan Saraswathy Kandasamy), Setiausaha Agung (Saifuddin Nasution Ismail), Bendahari (William Leong Jee Keen), Ketua Penerangan (Fahmi Fadzil), Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Pusat (Rafizi Ramli), Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Parti (Zaliha Mustafa), Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (Utara iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang - Nurul Izzah Anwar; Perak - Chang Lih Kang), (Timur iaitu Kelantan dan Terengganu - Nik Nazmi Nik Ahmad; Pahang - Amirudin Shari), (Barat iaitu Selangor - Amirudin Shari; Negeri Sembilan - Aminuddin Harun), (Selatan iaitu Melaka

- Aminuddin Harun; Johor - Rafizi Ramli), (Wilayah Persekutuan - Rafizi Ramli), (Sarawak - Roland Engan), (Sabah - Sangkar Rasam), Ketua AMK (Adam Adli Abd Halim), Timbalan Ketua AMK (Muhammad Kamil Abdul Munim), Naib Ketua AMK (Atyrah Hanim Razali, M Pravin dan B Prasanth Kumar), Ketua Wanita (Fadhlina Sidek), Timbalan Ketua Wanita (Juwairiya Zulkifli), Naib Ketua Wanita (Wasanthee Sinnasamy, June Leow Hsiad Hui dan Sangetha Jayakumar).

### ***Impak PKR Dalam Pilihan Raya dan Pemilihan PKR Nasional 2022 Terhadap Geopolitik Malaysia***

Pencapaian PKR dalam tempoh 5 kali PRU boleh dikatakan bersifat pendulum atau turun naik. Pencapaian ini bergantung kepada senario isu semasa yang boleh mempengaruhi pengundi untuk mengundi parti politik atau calon yang selaras dengan aspirasi masing-masing. Rakyat atau pengundi sepastinya memerhatikan prestasi dan tingkah laku pemimpin PKR terutamanya yang bergelar wakil rakyat dan berjawatan tinggi dalam parti tersebut di peringkat nasional. Rakyat dambakan kepimpinan yang baik, berintegriti, mesra rakyat, mudah dihubungi serta dapat menyelesaikan masalah mereka dengan pantas dan cemerlang. Selain itu, politik tidak boleh lari daripada persoalan 'persepsi', maka isu semasa yang berlaku dalam negara yang dilihat menguntungkan rakyat akan diterima rakyat, namun jika sesuatu isu merugikan rakyat maka rakyat tidak akan menyokong pihak yang terpalit dengan isu tersebut. Begitulah pasang-surut sokongan rakyat terhadap parti politik termasuk PKR.

Bagi impak pemilihan PKR nasional terhadap rakyat dan geopolitik Malaysia, meskipun pemilihan tersebut adalah urusan dalaman parti tersebut namun rakyat juga memerhatikan dengan penuh minat kerana pemimpin akar umbi sama ada di peringkat Cabang (bahagian/Parlimen) mahupun di peringkat Ranting (cawangan/kampung), pemimpin tersebutlah juga yang akan memimpin rakyat jika ditakdirkan mereka diberi kepercayaan oleh parti untuk bertanding dalam PRU sama ada di peringkat Parlimen mahupun DUN. Begitu juga pimpinan Ranting (cawangan), jika mereka menguasai Kerajaan Negeri maka pimpinan Ranting itulah yang akan mengemudi jawatankuasa kampung kelak nanti. Oleh itu, kepimpinan parti perlu menjaga akhlak, tingkah laku serta kerapliah turun padang untuk mendengar masalah rakyat di bawah.

Secara keseluruhannya, PKR disokong oleh pengundi pelbagai etnik terutamanya orang Cina dan India dan terdapat segelintir orang Melayu yang berfikiran terbuka, mementingkan integriti, memperjuangkan keadilan sejagat dan tidak bersifat perkauman dan keagamaan yang ekstrim. PKR juga disokong oleh golongan yang terpelajar, golongan atasan (T20) dan pertengahan (M40), celik teknologi maklumat dan juga diterima oleh golongan muda yang segar dan proaktif. Oleh itu, ini agak selari dengan komposisi etnik di negara ini namun parti yang bersifat perkauman seperti UMNO dan keagamaan seperti PAS masih mendapat sokongan terbanyak dalam kalangan orang Melayu terutamanya golongan bawahan (B40). Oleh itu, adalah menjadi lumrah sama ada sesuatu parti politik itu diterima dan ditolak golongan/segmen pengundi tertentu.

### ***Masa Hadapan PKR Dalam Geopolitik Malaysia***

PKR telah melalui 24 tahun hiruk pikuk politik Malaysia dengan menyertai kesemua 5 PRU yang pelbagai isu dan permasalahannya. Oleh itu, PKR sepatutnya sudah masak atau matang dalam meredah gelora dan badai politik negara yang tidak berkesudahan hinggalah sekarang. Masa depan PKR untuk geopolitik Malaysia dilihat cerah berdasarkan beberapa perkara yang



relevan. Pertamanya, PKR merupakan parti politik berbilang kaum yang sesuai dengan komposisi rakyat dan pengundi di negara ini.

Sehingga sekarang (2022) juga, PKR satu-satunya parti politik di negara ini yang mempunyai kepimpinan Cabang/Bahagian/Parlimen di kesemua 222 Parlimen di Malaysia dan ini tidak dimiliki parti politik lain seperti parti politik yang sudah lama bertapak di negara ini termasuk UMNO, PAS, DAP MCA, MIC dan GERAKAN, apatah lagi parti yang bersifat kenegerian seperti PBB di Sarawak dan PBS di Sabah serta parti baharu dan parti kecil yang lain. PKR juga merupakan parti politik yang sudah berpengalaman dalam mentadbir iaitu pernah menang kerusi Parlimen dan DUN di semua negeri di negara ini serta pernah menjadi Kerajaan Negeri (Selangor 2008-sekarang/2022) dan Kerajaan Persekutuan pada 2018-2020. Ini adalah penting kerana rakyat akan melihat rekod lampau jika mereka ingin terus memberi mandat pada pilihan raya seterusnya. PKR juga adalah parti politik yang memperjuangkan nilai sejagat (keadilan, integriti, kemanusiaan, anti rasuah dan sebagainya) tanpa terikat dgn sentimen agama dan perkauman yang ekstrim dan sempit yang menyusahkan pihak lain yang pelbagai. Justeru, ini akan memudahkan parti ini untuk mendapat sokongan daripada semua segmen pengundi tidak kira apa jua etnik, tua, muda, lelaki, perempuan, kaya-miskin, golongan atasan-bawahan dan apa jua kelas sosioekonomi sama ada pegawai atasan, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, golongan profesional dan korporat, kerani, peniaga/ahli perniagaan, penggerai, penghantar makanan, pemandu lori dan teksi/grab/uber, petani, nelayan dan sebagainya di negara ini.

PKR juga merupakan parti masa depan kerana parti ini merupakan parti politik yang disertai dan dipimpin pelbagai lapisan etnik dan kelas sosioekonomi golongan muda yang profesional serta bijak pandai dan berpendidikan tinggi dalam kepimpinan nasional, negeri, cabang malahan di peringkat ranting (cawangan). Justeru parti ini mempunyai pelapis yang bakal mewarisi kepimpinan senior pada masa akan datang. Seterusnya, parti ini juga terkenal sebagai sebuah parti yang terbuka menerima kepelbagaian dan perbezaan pandangan dan terbuka menerima semua golongan lapisan masyarakat. Ini menjadikan parti ini disertai oleh pelbagai golongan lapisan masyarakat tanpa mengira darjat, keturunan, kelas sosioekonomi dan sebagainya. Akhirnya, kepada mereka yang berminat untuk menyertai sebagai ahli dan ingin memegang jawatan dalam parti ini, parti ini juga merupakan parti yang boleh ditandingi jawatan dalam parti dengan syarat yang mudah dengan dipersetujui jawatankuasa pemilihan parti ini sendiri.

### **Kesimpulan**

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah menyaksikan pertembungan yang sengit antara tiga parti politik utama (pertandingan tiga penjuru) di negara ini iaitu Barisan Nasional, PAS dan Pakatan Harapan. Keputusan PRU-14 berkesudahan dengan rakyat Malaysia memilih untuk memberikan kemenangan besar kepada gabungan parti pembangkang yang dikenali sebagai Pakatan Harapan. Pakatan pembangkang ini sekali gus menamatkan era pemerintahan Barisan Nasional dengan menguasai Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Barisan Nasional yang dianggap sukar untuk dikalahkan dan mentadbir Malaysia secara berterusan selama 60 tahun akhirnya terpaksa akur dengan kehendak dan pilihan rakyat. Ini sekali gus meletakkan Pakatan Harapan yang diterajui oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencipta sejarah dalam arena politik. Pada PRU-14, parti-parti yang menganggotai Pakatan Harapan mencipta rekod prestasi cemerlang di luar jangkaan. Keputusan PRU-14 menunjukkan PKR memperoleh 49 kerusi Parlimen daripada 71 kerusi yang dipertandingkan, DAP memenangi 42 kerusi Parlimen daripada 47 kerusi yang dipertandingkan dan



AMANAH memenangi 11 kerusi Parlimen daripada 34 kerusi yang dipertandingkan. Peningkatan kerusi yang diperolehi oleh PKR menunjukkan bahawa keyakinan rakyat Malaysia terhadap perjuangan parti tersebut adalah tinggi. Kemenangan yang diberikan oleh rakyat ini dipengaruhi oleh faktor sebahagian manifesto yang berjanji bakal menyelesaikan masalah harian yang melibatkan kos sara hidup golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang kian meningkat dalam tempoh masa 100 hari. Namun, parti ini akan terus berhadapan dengan politik perkauman dan politik keagamaan di negara ini. Oleh itu secara keseluruhannya, parti ini telah melalui dan mengalami impak, pelbagai pengalaman, cabaran, suka-duka dalam berpolitik, teruji dan boleh menjadi parti masa depan yang cerah dari semasa ke semasa.

### Rujukan

- Abu Muhamad. (2021). *Parti Keadilan Rakyat: Jejak-Jejak Kelahiran, Mengislah Kenegaraan*. Shah Alam: Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor.
- Ali, S. H. (2016). *Sejarah Dan Dasar Perjuangan Keadilan*. Petaling Jaya, Selangor: Komunikasi Keadilan.
- Anne Muhammad. (2022). Keputusan ketua Wanita PKR berubah, Rodziah tuntut penjelasan JPP. *Freemalaysiatoday* Online. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/07/04/keputusan-saingan-ketua-wanita-pkr-berubah-rodziah-tuntut-penjelasan-jpp/>. 4 Julai.
- Aziz, I. H. (2018). PPBM, Amanah, Warisan perkukuh penguasaan PKR, DAP. Retrieved from *Berita Harian* Online. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/424125/ppbm-amanah-warisan-perkukuh-penguasaan-pkr-dap>. 10 Mei.
- Berita Semasa. (2022). Biodata Anwar Ibrahim. Kena Penjara di Sungai Buloh. <https://www.beritasemasa.com.my/biodata-anwar-ibrahim>.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. (2018). Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Tema: "Integrasi Nusa Maritim dan Penguat Jalinan Kebhinekaan Alam Melayu di Asia Tenggara. Tempat: Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Nizar Sudin. (2018). Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018: Analisis Terhadap Persaingan Antara BN, PH, PAS dan Parti-Parti Politik Lain. *The 12<sup>th</sup> International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI-12, 2018)*. Theme: "Strengthening The Identity, Enriching Regional Commonality" (Memperkasa Jatidiri, Memperkaya Kebersamaan Serumpun). Organize By and Vanue: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. 1-2 August.
- Mohd Azreen Udi. (2012). GIS dan pilihan raya: Faktor-Faktor Mempengaruhi Kemenangan Sesebuah Parti Politik Dalam Pilihan Raya ke-12 Peringkat DUN Kelantan. Latihan Ilmiah. Rancangan Pengajian Alam Sekitar, Jabatan Geografi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhamad Azwan Abd Rahman. (2013). Kajian kepimpinan Anwar Ibrahim dari tahun 1982 sehingga tahun 2012. Latihan Ilmiah, Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

- Mohd Nasaruddin Parzi. (2022). Pasukan Rafizi dominasi pemilihan MPP PKR. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/977222/pasukan-rafizi-dominasi-pemilihan-mpp-pkr>. 17 Julai.
- Ngah, N. (2018). PKR kuasai Kabinet Tun M. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/06/441918/pkr-kuasai-kabinet-tun-m>. 26 Jun.
- Nor Azimah Kamaruddin. (2002). Dulu UMNO dan sekarang Parti Keadilan: Kajian kes di kawasan Parlimen Peringat, Kelantan. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Nurhidayah Hairom. (2022). Pemilihan PKR: Hanya 12 peratus ahli PKR keluar mengundi. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/203836/berita/politik/pemilihan-pkr-hanya-12-peratus-ahli-pkr-keluar-mengundi>. 24 Mei.
- Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat. (2018). April 24.
- Ruhan Shahrir Abdul Halim. (2009). Menilai jaya-gagal Organisasi politik pemuda menjadi organisasi multi-etnik: Suatu kajian kes ke atas Angkatan Muda KeADILan Lembah Pantai. Desertasi Sarjana, Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Safian Baharom. (2022). Sah! Rafizi Timbalan Presiden PKR. *Getaran (Gema Berita Hiburan)*. <https://www.getaran.my/artikel/politik/26399/sah-rafizi-timbalan-presiden-pkr>. 4 Julai.